

TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
REKTOR UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
KARNIVAL REKREASI LUAR
UiTM CAWANGAN SELANGOR 2025

14 JUN 2025 | SABTU | 10.00 PAGI
KOLAM BASAH 8
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH ROBBIL 'AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU 'ALAA ASYRAFIL
ANBIYAAI WALMURSALIINWA 'ALAAALIHI
WASOHBIHI AJMA'IN**

YBrs. Dr Ani Mazlina Dewi

Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar

Fakulti Pendidikan

Mewakili Dekan

YBrs. Dr. Zaharul Azwan Abdul Razak

Penasihat Persatuan Trainer UiTM

YBrs. Dr Saliana Sadi

Ketua Unit Kesihatan

UiTM Cawangan Selangor

Barisan Ahli Jawatankuasa Penganjur

Para pelajar peserta program yang dikasihi, warga UiTM Cawangan Selangor, tuan-tuan dan puan-puan serta hadirin sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur kita ke hadrat Ilahi yang telah memberikan kita segala nikmat dan dengan rahmat-Nya, kita semua dapat berkumpul pada pagi yang indah ini.
2. Sekalung tahniah dan syabas buat semua para peserta program **Karnival Rekreasi Luar UiTM Cawangan Selangor 2025** kerana tanpa kehadiran anda, program ini tidak mungkin dapat dijayakan.

3. Setinggi penghargaan buat semua ahli jawatankuasa penganjur atas segala usaha dan komitmen yang dicurahkan bagi memastikan kelancaran program.
4. Saya dimaklumkan, program ini bukan sahaja memberi peluang untuk para peserta menerokai keindahan alam semula jadi, tetapi juga untuk memperkukuhkan hubungan, membina daya tahan, dan mencipta kenangan indah yang tidak akan dilupakan.

Hadirin sekalian,

5. Aktiviti rekreasi luar bukan sekadar satu bentuk riadah, malah mencerminkan hubungan harmoni antara individu, komuniti dan alam sekitar, di samping mendidik kita tentang erti rendah diri serta ketabahan dalam menghadapi cabaran.

6. Kita sedia maklum dengan melaksanakan aktiviti fizikal, badan kita dapat menghasilkan lebih banyak hormon endorphin yang boleh membantu mengurangkan stress serta memastikan badan kita kekal cergas dengan minda yang lebih sihat.
7. Saya yakin, setiap aktiviti yang dijalankan pada hari ini bukan sekadar untuk hiburan semata-mata, tetapi turut menyampaikan nilai-nilai penting seperti semangat kerjasama dan rasa hormat terhadap alam sekitar.
8. Ketahuilah bahawa alam semula jadi bukan sekadar latar untuk beriadah, tetapi ruang untuk menyembuh, belajar dan memberi inspirasi.
9. Justeru, saya menyeru kepada semua, marilah kita menjadi duta kelestarian alam, memastikan khazanah semula jadi terus terpelihara demi generasi masa hadapan.

10. Semoga pengalaman yang diperoleh hari ini mengingatkan kita tentang pentingnya menjaga keseimbangan antara kesejahteraan fizikal, mental dan sosial, selaras dengan keharmonian alam sekitar yang menjadi asas kepada kehidupan yang lestari.
11. Akhir kata, tahniah dan syabas sekali lagi kepada jawatankuasa penganjur dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program ini.
12. Kepada semua peserta; terima kasih atas keberanian, semangat, dan komitmen anda yang telah menjadikan program ini satu kejayaan.

Berkayuh perahu di tasik nan damai,
Burung menyanyi di dahan rendah.
Tenang terasa di alam yang permai,
Penat hilang, hati pun girang.

13. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan program **Karnival Rekreasi Luar UiTM Cawangan Selangor 2025.**

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**